

10,014 penuntut USIM terima KADS1M

SEREMBAN 18 Sept. - Sebanyak 10,014 Kad Diskaun Siswa 1Malaysia (KADS1M) diserahkan kepada penuntut Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) bagi membolehkan pemilik kad yang layak menikmati diskaun terhadap jenama terpilih.

Majlis penyerahan kad tersebut disempurnakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom kepada penuntut di kampus USIM, Nilai, dekat sini baru-baru ini.

Menurut Jamil Khir, inisiatif yang diwujudkan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) itu bertujuan bagi membantu mengurangkan kos sara hidup penuntut di institusi pengajian tinggi (IPT) awam dan swasta seluruh negara.

“Di bawah KADS1M, lebih kurang 1.5 juta pelajar IPT awam dan swasta seluruh negara akan mendapat faedah sepanjang tempoh pembelajaran mereka.

“Kad diskaun ini bukan berkonsep kad yang menawarkan mata ganjaran, sebaliknya pelajar hanya perlu menunjukkan KADS1M bersama-sama kad pelajar atau kad pengenalan bagi mendapatkan diskaun yang ditawarkan oleh syarikat terlibat di bawah program ini,” katanya ketika berucap pada majlis berkenaan, di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Naib Canselor USIM, Prof. Datuk Dr. Muhamad Muda.

Jelasnya lagi, kad tersebut diberikan secara percuma kepada pe-



JAMIL Khir Baharom (berdiri empat dari kiri) bersama sebahagian pelajar menunjukkan isyarat 1Malaysia selepas Majlis Penyerahan Kad Diskaun Siswa 1Malaysia (KADS1M) Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) di USIM Nilai, baru-baru ini.

lajar warganegara Malaysia mem-babitkan penuntut IPT awam dan swasta yang diiktiraf oleh kerajaan.

“KADS1M ini mempunyai tempoh penggunaannya iaitu bersamaan dengan tempoh pengajian se-

seorang penuntut.

“Siswa dan siswi tidak perlu memohon untuk mendapatkan KADS1M kerana ia akan diberikan secara automatik,” katanya.

Katanya, buat masa ini, sebanyak

231 syarikat termasuk koperasi menyertai KADS1M dengan menawarkan diskaun antara 2 hingga 60 peratus bagi pembelian barangan dan perkhidmatan terpilih di premis-premis perniagaan mereka.

“Antara sektor perniagaan yang terlibat ialah buku, alat tulis, pakaian, kesihatan, peruncitan, pengilangan, produk teknologi maklumat (IT), automotif termasuk pengangkutan awam,” katanya.